



Submission date: 03/09/2018

Accepted date: 23/10/2018

**PENGURUSAN MUALAF DI MALAYSIA: KERJASAMA DINAMIK
ANTARA AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN**

*The Management of Mualaf in Malaysia: A Dynamic Cooperation between the
Government and Non-Government Agencies*

Siti Adibah Abu Bakar* & Siti Zubaidah Ismail
Universiti Malaya

*adibah_abk@yahoo.com

Abstract

Based on statistical records, the number of converts in Malaysia is increasing from year to year. The increase however will be insignificant without an effective management system in administering the material and spiritual needs of the converts. This is because, neglecting the needs of the converts will even lead to more conflicts and more critical issues. In Malaysia, the authority to administer the affairs of the converts at state level is the Islamic Religious Council or the Islamic Religious Department. Both agencies will manage the registration of converts, provide financial and welfare assistance from zakat funds and also provide appropriate religious education and guidance to every convert. In addition, the existence of non-governmental organizations (NGOs) such as PERKIM, MACMA, KIMMA, ABIM and others also carry out similar roles at both state and national levels. They also provide educational classes as well as organizing activities and programs for converts at NGO level. In Selangor, to manage the converts more effectively, the Selangor Islamic Religious Council has taken the initiative to establish a formal collaboration with five selected NGOs in the state. However, this scenario does not apply in all other states. This paper will further explore the situation in other states in Malaysia about the extent of the collaboration between governmental and non-governmental agencies in managing converts.

Keywords: converts, management of converts, non-government organization.

Abstrak

Statistik menunjukkan jumlah mualaf di Malaysia meningkat setiap tahun. Peningkatan ini tidak akan memberi sebarang makna sekiranya tiada satu sistem pengurusan yang sistematik dalam pengurusan bahan-bahan dan keperluan spiritual mualaf. Pengabaian dalam aspek keperluan mualaf akan mencetuskan konflik dan isu-isu lain. Di Malaysia, pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam menguruskan kebajikan mualaf di peringkat negeri adalah Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam. Kedua-dua agensi ini akan menguruskan pendaftaran mualaf, menyediakan bantuan kewangan dan kebajikan melalui peruntukan zakat, dan menganjurkan kelas pengajian agama. Di samping itu, kewujudan agensi-agensi bukan kerajaan (NGOs) seperti PERKIM, MACMA, KIMMA, ABIM dan lain-lain turut memainkan peranan diperingkat negeri dan kebangsaan. Agensi-agensi ini menganjurkan kelas-kelas pengajian dan aktiviti-aktiviti lain diperingkat agensi masing-masing. Di Selangor, untuk menguruskan mualaf secara efektif, Majlis Agama Islam Selangor telah mengadakan kerjasama bersama lima agensi bukan kerajaan. Walaubagaimanapun, kerjasama seperti ini tidak berlaku di negeri-negeri lain. Artikel ini akan membincangkan situasi di negeri-negeri lain di Malaysia dalam aspek kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menguruskan mualaf.

Kata kunci: mualaf, pengurusan mualaf, agensi bukan kerajaan.

PENDAHULUAN

Di negeri-negeri, seseorang yang baru memeluk agama Islam adalah dikenali sebagai mualaf atau saudara baru atau saudara kita. Manakala gelaran saudara muslim pula diguna pakai di peringkat kebangsaan. Kepelbagaian istilah ini dan bahkan ketidakseragaman sistem pengurusan mualaf mengikut negeri adalah bertitik tolak daripada perundangan tertinggi di Malaysia yang meletakkan bidang kuasa pentadbiran mahupun perundangan agama Islam di bawah setiap negeri secara berasingan (Perkara 74 dan 80 (1), Perlembagaan Persekutuan). Di setiap negeri, institusi agama yang berotoriti dalam menguruskan hal ehwal mualaf adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Kuasa tersebut berdasarkan kepada undang-undang pentadbiran agama Islam yang telah digubal, termasuklah kaedah atau peraturan lanjutan yang telah diadakan di bawahnya. Di samping agensi kerajaan tersebut, terdapat juga badan bukan kerajaan (NGO) yang turut ditubuhkan bagi menjalankan fungsi dakwah kepada golongan mualaf di Malaysia, sama ada beroperasi di peringkat negeri mahupun kebangsaan.

Jumlah mualaf di Malaysia menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Menurut statistik keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah

muaf yang direkodkan dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106, 747 orang. Meskipun begitu, di samping pertambahan bilangan tersebut, ia turut diselangi dengan isu-isu yang meruncing berkaitan muaf bermula seawal pemeluk Islam sehinggalah selepas kematian mereka. Isu-isu yang melanda itu telah menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan masyarakat terhadap sejauhmana usaha atau tindakan yang telah diambil oleh badan berkuasa untuk menangani permasalahan kebajikan dan spiritual muaf tersebut. Malangnya, di peringkat MAIN dan JAIN pula, wujudnya permasalahan kekurangan tenaga kerja untuk melayani segala keperluan muaf yang semakin meningkat itu. Kesukaran mendapatkan penjawatan baru, ditambah pula dengan gerak kerja yang semakin meningkat, beban ini malah tidak diambil peduli oleh masyarakat awam yang lebih cenderung untuk memandang serong kepada institusi agama Islam di Malaysia. Dalam masa yang sama, masyarakat sering beranggapan bahawa NGO seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan lain-lain adalah lebih menonjol dan berperanan kepada muaf berbanding pihak MAIN atau JAIN (Ridhuan Tee, 2012: 35). Sedangkan kedua-dua badan kerajaan dan bukan kerajaan itu turut sama-sama mempunyai peranan tersendiri dalam mengurus tadbir perihal muaf di Malaysia. Bahkan di peringkat NGO itu sendiri, sekalipun mereka mempunyai tenaga kerja yang ramai untuk menguruskan kebajikan dan pendidikan muaf, namun mereka turut bergantung kepada pihak MAIN atau JAIN untuk mendapatkan sumber dana dalam menjalankan aktiviti yang telah disusun (Haluan: 2013).

Persoalannya di sini, apakah fungsi atau peranan yang dijalankan oleh MAIN atau JAIN dan juga NGO dalam menguruskan muaf di Malaysia? Adakah terdapat satu jaringan kerjasama secara rasmi dan penyelarasan aktiviti antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan tersebut dalam menjalankan aktiviti pengislaman, pendidikan, kebajikan dan dakwah kepada golongan muaf di peringkat negeri?

Oleh itu, kertas kerja ini ditulis bagi menganalisis sejauhmana kerjasama yang telah dijalankan antara pihak agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan dalam mentadbir urus perihal muaf khususnya di peringkat negeri. Melalui penelitian terhadap fungsi dan peranan yang dijalankan oleh setiap pihak terhadap keperluan muaf di Malaysia, satu model kerjasama secara sistematik dapat dikenal pasti. Justeru, pada akhir nanti, suatu kesimpulan dan saranan penambahbaikan dapat dicadangkan kepada kedua-dua pihak kerajaan dan bukan kerajaan yang menguruskan muaf di Malaysia.

KEPERLUAN MUALAF DI MALAYSIA

Keperluan adalah sesuatu yang diperlukan, keharusan, kemestian; hajat, kehendak, maksud serta tujuan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Bagi golongan muallaf di Malaysia, terdapat lima keperluan utama yang seharusnya dipenuhi dan diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadapnya; iaitu identiti, pendidikan dan bimbingan agama, kewangan dan kebajikan, dakwah dan kaunseling serta perundangan.

Pertama, identiti seseorang muallaf di Malaysia tidaklah boleh dipandang remeh memandangkan penduduk di negara ini terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang bangsa dan agama. Identiti yang dimaksudkan termasuklah mendapatkan nama yang sesuai dan perolehan kad atau sijil pemeluk Islam yang sah setelah proses pengislaman dan pendaftaran. Bagi muallaf yang ingin mengekalkan nama asal mereka untuk tujuan pengekalan identiti bangsa seharusnya tidak menjadi halangan selagimana nama tersebut mempunyai makna yang baik (Adam Corrie, 2015: 119). Walhal, sekiranya muallaf tersebut ingin menambahkan nama Islam di hadapan nama asal mereka, hal ini adalah lebih digalakkan supaya dapat memberikan identiti yang berbeza setelah mereka menganut agama yang baru (Ridhuan Tee, 2012: 132). Selain itu, perolehan kad atau sijil perakuan pemeluk Islam juga dapat menjadi bukti muktamad apabila timbulnya sebarang pertikaian terhadap status agama muallaf tersebut sama ada semasa mereka masih hidup atau selepas meninggal dunia (Siti Zaleha, Nur Sarah & Mohd Faisal, 2016: 212).

Kedua, pendidikan dan bimbingan agama juga amat diperlukan oleh seseorang muallaf bagi berpindah daripada *formal conversion* kepada *practical conversion*. Pendidikan dan bimbingan ini boleh diperolehi melalui penglibatan dalam kelas-kelas yang disediakan sama ada oleh pihak MAIN atau JAIN atau NGO (Azarudin Awang & Khadijah Hambali, 2015: 38). Isi kandungan dan kaedah penyampaian pengajaran tersebut juga hendaklah bersesuaian dengan tahap kefahaman muallaf selaku seorang yang baru berjinak-jinak untuk mengenali Islam. Antara silibus penting sebagai pendedahan sebelum beranjak kepada bidang yang lebih luas adalah seperti ilmu fardhu ain; tauhid, ibadah, akhlak, sirah dan pengajian al-Quran (Zainab Ismail, Norabidah Pozi & Wan Ibrahim, 2015: 91-93). Penyediaan modul atau buku teks dalam bahasa ibunda muallaf juga secara tidak langsung dapat memudahkan lagi mereka menguasai ilmu yang disampaikan. Bahkan, tidak hanya terhenti kepada pembelajaran di kelas-kelas, bimbingan seharian oleh mereka yang hampir dengan muallaf tersebut seperti pasangan muslim dan jiran tetangga juga dapat membantu mereka memahami Islam dengan lebih berkesan lagi (Ikhwan Ng, 2013: 64).

Ketiga, setelah menganut agama Islam, kebanyakan muallaf akan terdedah kepada krisis kehidupan dan kewangan rentetan dihalau keluarga, dibuang kerja, dipulau

oleh rakan dan sebagainya. Dengan itu, bantuan kewangan dan bukan wang amatlah diperlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Bantuan kewangan boleh disalurkan melalui pemberian wang suguhati pemeluk Islam dan elaun kehadiran ke kelas atau program yang dianjurkan sebagai dorongan. Manakala, bagi bantuan bukan wang pula boleh diberikan dalam bentuk makanan keperluan asas, pakaian, tempat perlindungan, bantuan perubatan, pendidikan dan banyak lagi (Sayyid Buhar, Mohd Syukri & Zawiyah Baba, 2013: 11). Sebagai asnaf yang layak menerima zakat, kebajikan dan hak muaf seharusnya terbela melalui sistem agihan zakat yang efisien. Sekalipun beberapa negeri telah menetapkan had tempoh panggilan muaf bagi memudahkan pengurusan muaf berkenaan, namun penentuan tersebut hendaklah dilakukan bersama wujudnya suatu pelan perancangan jangka masa panjang bagi pembangunan spiritual dan material muaf itu (Aidit Ghazali & Zulkifli Abd Hamid, 2014: 141-142).

Keempat, bagi mengetuk pintu hati muaf yang masih belum kembali kepada fitrah atau masih lagi goyah lantaran cabaran dan tekanan hidup yang menghimpit, aktiviti dakwah dan kaunseling anjuran pihak berwajib juga amat diperlukan. Dakwah secara berhikmah dapat dilakukan melalui metod tinjauan (*follow up*) secara berkala sama ada dengan berziarah ke rumah muaf atau menelefon mereka bagi mengetahui keadaan semasa yang dihadapi (Ridhuan Tee, 2012: 39). Selain itu, penganjuran program-program dua hala yang dapat membina tautan ukhawah sesama muaf juga dapat menguatkan lagi keyakinan mereka untuk berpegang teguh kepada Islam (Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat & Rosmani Hussin, 2015: 164). Sebagai platform meluahkan perasaan dan menyelesaikan kekusutan yang dihadapi, metod kaunseling juga dapat diadakan sama ada secara formal ataupun tidak. Bahkan, kaunseling didapati dapat menyelesaikan kebanyakan masalah muaf yang ingin meninggalkan agama Islam (Nor Ashikin & Siti Zubaidah, 2016: 152).

Kelima, perundangan yang lengkap juga amat diperlukan oleh seseorang muaf. Peruntukan pemeluk Islam yang terdapat di dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri dan juga Kaedah atau Peraturan yang diwujudkan di bawahnya dapat dirujuk untuk dijadikan panduan dalam mentadbir urusan perihal muaf di setiap negeri di Malaysia. Meskipun begitu, masih terdapat beberapa kelompongan terhadap perundangan bagi muaf di Malaysia. Antaranya berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah dalam soal penentuan status agama muaf terutamanya selepas kematian mereka dan peruntukan mengenai keluar dari agama Islam (Zanariah Dimon & Zaini Yusnita, 2014: 65). Bahkan, isu yang lebih kritikal lagi apabila terdapat konflik perundangan dalam soal pembubaran perkahwinan terdahulu muaf bersama pasangan bukan Islam, hak penjagaan anak dan penentuan status agama anak muaf tersebut (Zaini Nasohah, Abdel Wadoud Moustafa & Mohd Izhar Ariff, 2010: 440-447).

PERANAN BADAN KERAJAAN DALAM PENGURUSAN MUALAF DI MALAYSIA

Badan kerajaan yang berotoriti dalam menguruskan mualaf di Malaysia adalah MAIN atau JAIN (Raja Dr. Nazrin Shah, 2011: 4). Di sesetengah negeri, bahagian atau unit khusus bagi mentadbir hal ehwal mualaf adalah diletakkan sepenuhnya di bawah kelolaan MAIN seperti di Selangor dan Pahang. Manakala bagi negeri yang meletakkan sepenuhnya di bawah JAIN pula adalah seperti di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Selain itu, terdapat juga negeri yang kedua-dua MAIN dan JAIN saling mempunyai tugas khusus untuk mualaf di negeri berkenaan, sepertimana yang berlaku di Kedah, Kelantan dan Terengganu. Meskipun mempunyai nama bahagian atau unit yang berbeza di setiap negeri seperti Unit Ukhuwah, Unit Saudara Kita dan sebagainya, namun tugas atau fungsi yang dijalankan oleh MAIN atau JAIN tersebut bagi mentadbir urusan mualaf di peringkat negeri adalah bersamaan pada kebanyakannya. Dalam menjalankan peranan tersebut, boleh dikatakan semua negeri di Malaysia menggunakan wang zakat asnaf mualaf sebagai salah satu sumber dana mereka (Tuan Sakaria Samela: 2016).

Peranan MAIN atau JAIN dalam menguruskan mualaf di peringkat negeri boleh diklasifikasikan kepada tujuh peranan utama; iaitu dari aspek perundangan dan polisi, pengislaman dan pendaftaran, pendidikan, kewangan dan kebajikan, ziarah saudara baru, kaunseling dan akhir sekali menguruskan selepas kematian mualaf.

1- Aspek Perundangan dan Polisi

Sebagai institusi agama Islam yang terutama di peringkat negeri selepas Ketua Agama Islam, MAIN adalah berperanan penuh untuk menggubal dasar-dasar berkaitan dengan pentadbiran agama Islam termasuklah perkara yang berkaitan dengan hal ehwal mualaf di negeri berkenaan (Muhammad Haniff & Zuliza, 2015:188). Menurut amalan di Malaysia, ahli MAIN yang berperanan menggubal dasar pentadbiran tersebut bukanlah terdiri daripada orang yang sama dengan pegawai atau pelaksana dasar-dasar tersebut di peringkat MAIN ataupun JAIN. Dengan itu, boleh dikatakan setiap perundangan atau polisi yang ingin diadakan tersebut pada hakikatnya adalah bermula dari peringkat pihak pelaksana terlebih dahulu sebelum dirujuk dan diluluskan oleh pihak atasan, sepertimana yang berlaku dalam penggubalan undang-undang subsidiari; Kaedah atau Peraturan lanjutan bagi mualaf (Peraturan Mualaf Selangor 2009). Hal ini memandangkan, setiap inci perihal urusan tadbir mualaf di negeri adalah di bawah tanggungan pihak pelaksana dan tentunya mereka lebih terdedah kepada perubahan isu dan kehendak mualaf berkenaan. Selain itu, sekiranya terdapat apa-apa pertikaian di mahkamah bersangkutan mualaf, maka lazimnya pihak pelaksana yang akan terlibat untuk mewakili MAIN dalam kes tersebut.

2- Pengislaman dan Pendaftaran

MAIN dan JAIN juga bertanggungjawab untuk menguruskan pengislaman dan pendaftaran mualaf di peringkat negeri masing-masing. Pengislaman adalah merupakan proses masuknya Islam seseorang mualaf itu dengan memenuhi syarat-syarat tertentu seperti melafazkan dua kalimah syahadah dalam Bahasa Arab secara sukarela (Seksyen 107, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003). Pengislaman biasanya berlaku dalam satu majlis dengan keberadaan dua orang saksi mukalaf dan ia didahului oleh satu sesi penerangan sebagai pendedahan awal kepada mualaf terhadap hak dan kewajipan yang harus dipenuhi setelah memeluk agama Islam. Setiap butiran penting pengislaman hendaklah dicatatkan dalam borang yang disediakan bagi tujuan rekod dan pendaftaran (Bahagian III, Peraturan Mualaf Selangor 2009).

Manakala bagi pendaftaran pula, ia adalah satu proses bagi mendaftarkan pemeluk Islam seseorang mualaf atas permohonan pihak mualaf itu sendiri. Sekalipun pengislaman boleh dijalankan di mana-mana dan tidak semestinya di pejabat agama sahaja, namun berbeza pula bagi pendaftaran yang hanya boleh berlaku di ibu pejabat atau pejabat agama MAIN atau JAIN sahaja. Malah, bagi menyempurnakan pendaftaran itu, hanya Pendaftar yang dilantik menurut undang-undang sahaja yang kompeten untuk melaksanakannya. Pendaftaran adalah kesinambungan kepada proses pengislaman seseorang mualaf, yang mana selepas selesai sahaja proses pendaftaran, maka mualaf itu akan diberikan sijil atau kad perakuan memeluk agama Islam. Sijil atau kad tersebut menjadi satu identiti sah kepada mualaf dan juga sebagai bukti muktamad di mahkamah (Seksyen 110-112, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003).

3- Pendidikan

Bagi memenuhi keperluan spiritual mualaf, pihak MAIN dan JAIN juga turut menguruskan pendidikan mualaf melalui kelas-kelas bimbingan, kursus dan bengkel yang dianjurkan. Pada peringkat permulaan selepas mualaf itu masuk Islam, kebanyakan negeri mengadakan kursus pengenalan kepada agama Islam sekurang-kurangnya selama tiga hingga lima hari dan bermalam. Kursus seumpama ini diadakan sebagai satu platform supaya mualaf mendapatkan pendedahan awal terhadap perkara-perkara asas dalam Islam sama ada dalam bentuk teori mahupun praktikal seperti perkara tauhid, ibadah solat, cara mandi wajib dan lain-lain lagi. Selain itu, kursus atau bengkel pengenalan seperti ini turut bertujuan untuk mengikat mualaf yang masuk Islam atas kepentingan tertentu seperti perkahwinan dan sebagainya, supaya dapat menarik minat mereka untuk terus mendalami Islam (Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS): 2016).

Di samping itu, pihak MAIN dan JAIN juga berperanan untuk mendidik mualaf melalui pengendalian kelas-kelas bimbingan agama secara mingguan. Terdapat perbezaan di antara negeri terhadap pelaksanaan kelas tersebut sama ada dari segi kekerapan, hari dan waktu, bilangan kelas dan tenaga pengajar, bahasa pengantar dan tempat belajar. Sekalipun silibus atau modul yang diguna pakai juga berlainan antara negeri-negeri, namun kesemua negeri menekankan pengajaran dalam perkara asas Islam termasuklah pengajian al-Quran, akidah, fiqah, akhlak dan sirah. Bagi negeri Selangor, satu pelan strategik atau model sistem pendidikan telah disusun bagi memastikan mualaf di negeri Selangor dapat menguasai ajaran agama Islam dalam tempoh lima tahun, bersesuaian dengan had tempoh gelaran mualaf sepertimana yang telah digazetkan. Bahkan, kehadiran ke kelas turut menjadi salah satu syarat penerimaan bantuan yang disediakan kepada mualaf. Syarat seumpama ini bukanlah untuk tujuan menyusahkan, malah ia masih tertakluk atas budi bicara pihak pengurus mualaf di negeri berkenaan (Pegawai Majlis Agama Islam Selangor (MAIS): 2016).

Selain kelas dan kursus, pihak MAIN dan JAIN juga banyak mengadakan program-program dakwah dan ukhuwah, contohnya bersempena hari-hari kebesaran Islam. Program yang diadakan tersebut lebih mensasarkan kepada pembentukan sahsiah dan jati diri mualaf melalui aktiviti yang lebih bersifat santai, terbuka dan menarik. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah seperti sukaneka, jamuan makan, jualan, pertandingan dan persembahan serta sebagainya (Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK): 2017).

4- Kewangan dan Kebajikan

Melalui dana zakat asnaf mualaf yang diperolehi dari Pusat Zakat atau Baitulmal negeri, penyaluran bantuan kewangan dan kebajikan mualaf di setiap negeri turut disediakan oleh MAIN atau JAIN. Bantuan kewangan tersebut termasuklah pemberian wang suguhati atau intensif pemelukan Islam sama ada secara berperingkat dan dengan bersyarat seperti kehadiran ke kursus anjuran JAIN dan sebagainya. Intensif tersebut bertujuan bagi menarik dan menjinakkan hati saudara baru di samping meringankan tekanan yang dihadapi semasa fasa permulaan masuk Islam (Fuadah Johari, et al., 2014: 37). Meskipun diberikan dalam jumlah yang berbeza di antara negeri, terdapat juga negeri yang tidak menyediakan peruntukan wang seumpama ini sepertimana di Sarawak. Justifikasi tiada pelaksanaan sebegitu di Sarawak adalah kerana bantuan bagi mualaf di negeri berkenaan diberikan mengikut keperluan dan atas permohonan mualaf itu sendiri (Pegawai Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS): 2017).

Selain itu, boleh dikatakan hampir kesemua negeri di Malaysia kecuali Sarawak turut menyediakan elaun kehadiran ke kelas bimbingan agama anjuran MAIN atau

JAIN kepada mualaf (Pegawai JAIS: 2017). Elaun tersebut diberikan sebagai ganti duit minyak, makan minum dan kerana hilangnya mata pencarian mualaf pada hari kehadirannya ke kelas tersebut. Selain itu, setiap negeri juga berbeza pada jumlah wang elaun yang diberi; iaitu antara RM10 hingga RM40. Kaedah pemberian wang itu juga terpulang pada negeri sama ada diberikan secara tunai pada setiap kali hadir ke kelas ataupun setelah terkumpul secara bulanan (Pegawai MAIS: 2016).

Selain bantuan berbentuk kewangan di atas, kebajikan mualaf turut diuruskan oleh pihak MAIN atau JAIN melalui bantuan perlindungan di rumah penempatan sementara, bantuan pendidikan dengan menanggung kos pengajian mualaf di institusi-institusi terpilih seperti di Institut Latihan Islam Dakwah Negeri Selangor (ILDAS) dan lain-lain lagi, bantuan kos atau alat perubatan, bantuan perkahwinan dan banyak lagi. Bantuan-bantuan tersebut boleh dimohon secara langsung dari Baitulmal atau melalui bahagian mualaf di MAIN atau JAIN (Azman Abdul Rahman, et al., 2015: 173).

5- Ziarah Saudara Baru

Bagi meninjau keadaan semasa mualaf di luar kelas dan program rasmi yang diadakan, pihak MAIN atau JAIN di sebahagian negeri di Malaysia juga telah menyusun aktiviti ziarah saudara baru sama ada secara berkala atau bermusim. Kunjungan ke rumah-rumah mualaf ini dilakukan sama ada oleh tenaga penggerak dakwah yang dilantik dan dibayar elaun mereka oleh pihak MAIN ataupun melalui program-program ziarah khusus anjuran MAIN atau JAIN. Di samping bertukar cerita dan menyelami kisah kehidupan keluarga mualaf, ziarah tersebut turut dilaksanakan dengan membawa bersama sumbangan barangan keperluan asas untuk diberikan kepada pihak mualaf. Aktiviti ziarah saudara baru seumpama ini menjadi nadi dakwah dalam menunjukkan keprihatinan masyarakat Islam kepada golongan mualaf di seluruh pelosok negeri (Azman Abdul Rahman, et al., 2015: 144).

6- Kaunseling

Khidmat kaunseling sama ada secara formal atau tidak formal juga turut dilaksanakan oleh pihak pengurus mualaf di peringkat MAIN atau JAIN. Menurut amalan di setiap negeri, kaunseling adalah satu kemestian kepada mualaf yang mengalami masalah untuk meninggalkan agama Islam. Pendekatan yang diambil adalah dengan mengenal pasti punca masalah dan cuba membantu dari aspek yang menjadi ancaman kepada tergugatnya iman mereka seperti krisis kewangan, penceraian dan sebagainya. Elemen penerimaan qada' dan qadar serta menerapkan kesedaran dalam diri mualaf banyak diaplikasikan dalam sesi kaunseling tersebut (Salasilah Hanin, 2010: 52)

7- Pengurusan selepas Kematian Mualaf

Bukan sahaja pengurusan semasa hidup, bahkan selepas kematian seseorang mualaf itu juga masih di bawah pengurusan pihak MAIN atau JAIN. Peranan tersebut termasuklah bagi memastikan supaya pengebumian mualaf dilakukan mengikut cara Islam. Selain itu, bagi kes-kes mualaf yang merahsiakan keislaman sepanjang hidupnya, pihak MAIN atau JAIN juga bertanggungjawab untuk memberitahu dan menjelaskan status agama mualaf tersebut kepada keluarganya yang bukan Islam sekiranya timbul sebarang pertikaian atau kekeliruan (Pegawai Majlis Agama Islam Melaka (MAIM): 2016).

Dengan itu, kita dapat lihat di sini bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak MAIN atau JAIN adalah meliputi seluruh aspek keperluan mualaf, termasuklah pemberian identiti, pembelajaran agama, bantuan dan kebajikan, dakwah dan kaunseling serta perundangan. Bahkan pengurusan selepas kematian mualaf itu juga turut dikendalikan. Seterusnya, pada bahagian selepas ini, huraian dan penjelasan lanjut pula akan dibuat bagi mengetahui sejauhmana peranan yang dimainkan oleh pihak NGO terhadap keperluan mualaf di Malaysia berdasarkan kepada temubual beberapa NGO dan kajian-kajian lepas.

PERANAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) TERHADAP MUALAF

Bagi menguruskan mualaf di Malaysia, bukan agensi kerajaan sahaja yang terlibat, malah NGO juga turut memainkan peranan yang besar. Antara NGO yang terlibat adalah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), Islamic Outreach Angkatan Belia Islam Malaysia (IOA) dan sebagainya. NGO-NGO tersebut beroperasi sama ada bersifat tempatan ataupun kebangsaan. Selain mempunyai pejabat di peringkat pusat, beberapa cawangan dan bahagian juga turut diwujudkan bagi penempatan di peringkat negeri dan daerah untuk tujuan melicinkan lagi pentadbiran fungsi. Di samping mempunyai dana sendiri melalui penubuhan koperasi dan lain-lain, NGO tersebut juga turut bergantung kepada agensi kerajaan bagi mendapatkan sumber dana dalam menjayakan sebarang aktiviti. Malah di beberapa negeri di Malaysia, peruntukan dana kepada NGO telah diberikan secara konsisten melalui bajet tahunan MAIN ataupun JAIN. Sebagai contoh, MACMA Kelantan menerima dana sebanyak RM 30,000 setahun daripada pihak Majlis Agama Islam Kelantan bagi menjalankan aktiviti mualaf di negeri tersebut (Pegawai MACMA Kelantan: 2017).

Oleh itu, terdapat beberapa peranan khusus yang telah digariskan oleh NGO bagi kegiatan dakwah mualaf, terutamanya di peringkat negeri; iaitu pengislaman,

pendidikan, dakwah dan kaunseling, bantuan kewangan dan kebajikan serta penerbitan.

1- Pengislaman

Sebagai badan bukan kerajaan, NGO lebih bebas dalam pergerakan dakwah dan seruan kepada agama Islam. Hal ini apabila aktiviti dan kegiatan yang dilakukan tidak hanya terbatas kepada orang Islam sahaja, sebaliknya turut melibatkan orang bukan Islam di Malaysia. Oleh itu, maka tidak hairanlah apabila ramai mualaf yang akan mendatangi pihak NGO terlebih dahulu sebelum ke Pejabat Agama bagi menyatakan hasrat mereka untuk masuk Islam. Di Kelantan misalnya, proses pengislaman saudara baru juga boleh dilakukan oleh pihak NGO dan butiran pengislaman itu seharusnya direkodkan dengan selengkapnya. Namun begitu, apabila melibatkan proses pendaftaran, NGO tersebut hendaklah membawa mualaf berkenaan kepada pihak berwajib JAIN dan MAIN bagi tujuan daftar dan rekod (Pegawai MACMA Kelantan: 2017). Hal seumpama ini juga berlaku di seluruh negeri di Malaysia (Nur Hieadayah & Idris Zakaria, 2014: 63).

2- Pendidikan

Tidak hanya terhenti kepada mengajak orang masuk Islam sahaja, malah NGO di Malaysia juga turut berperanan untuk mendidik dan membimbing mualaf tersebut. Bahkan antara matlamat mereka adalah bagi melahirkan golongan pendakwah professional dalam kalangan saudara baru itu sendiri supaya dapat menarik lebih ramai orang bukan Islam kepada Islam (Nur Hieadayah & Idris Zakaria, 2014: 66). Bagi tujuan itu, terdapat juga kelas-kelas bimbingan yang diadakan di peringkat NGO, sama ada diadakan secara harian atau mingguan. Malahan kelas secara individu di rumah juga dilaksanakan kepada saudara baru yang tidak mempunyai kelapangan untuk menyertai kelas harian atau mingguan. Di Kelantan, selain kelas harian kepada mualaf orang asli anjuran IOA, pihak MACMA juga menyediakan kelas persendirian kepada mualaf yang berhajat di pejabat MACMA dengan waktu yang fleksibel (Pegawai IOA dan MACMA Kelantan: 2017). Kelas-kelas yang diadakan di peringkat NGO ini kebanyakannya menjadikan bahasa ibunda mualaf sebagai bahasa pengantar seperti Bahasa Cina, Bahasa Siam dan sebagainya. PERKIM sendiri bagi menunjukkan keseriusan dalam pendidikan mualaf, telah menyediakan pusat latihan khusus yang kondusif bagi pembelajaran sepertimana di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Pengkalan Chepa, Kelantan (Mohd Faridh & Sharifah Hayaati, 2016: 20).

Di samping pengajian fardhu ain, NGO juga tidak terkecuali dalam mengadakan pendidikan fardhu kifayah kepada mualaf di Malaysia. Sebagai contoh, mengadakan bengkel jahitan di pejabat cawangan, program pembangunan kewangan bersama institusi perbankan dan banyak lagi. Aktiviti seumpama itu dapat membekalkan

pengetahuan dan pendedahan kepada mualaf bagi kelangsungan hidup pada masa akan datang (Pegawai MACMA Kelantan: 2017).

3- Dakwah dan Kaunseling

Selain pengislaman dan pendidikan, NGO mualaf di Malaysia juga sinonim dengan aktiviti dakwah, sama ada dalam bentuk program, dialog, *ijtima'*, seminar dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti dakwah yang banyak menekankan soal ukhuwah dan kesatuan tersebut sering dilaksanakan melalui kerjasama dan gabungan bersama badan Islam yang lain. Di samping itu, ziarah atau lawatan secara berkala juga turut dijalankan, termasuklah ke rumah-rumah mualaf dan hospital bagi menguatkan lagi tautan persaudaraan seagama (Pegawai IOA Kelantan: 2017). Tambahan pula, sekiranya mualaf mempunyai sebarang tekanan perasaan mahupun masalah hidup, pihak PERKIM juga ada menyediakan khidmat rundingcara dan kaunseling bagi meringankan lagi beban yang ditanggung (Zakaria Noh, 2010: 29).

4- Bantuan Kewangan dan Kebajikan

Bagi memenuhi keperluan material saudara baru di Malaysia, pihak NGO juga menitikberatkan mengenai kebajikan dan bantuan kepada mualaf yang memerlukan. Selain bantuan penempatan di rumah perlindungan NGO yang turut disekalikan dengan penyediaan kelas-kelas bimbingan agama, NGO juga menawarkan bantuan dermasiswa dan kecemasan (Nur Hieadayah & Idris Zakaria, 2014: 65). Dalam sesetengah keadaan sepertimana di Kelantan, pihak NGO akan membantu mualaf dalam membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan di MAIN atau JAIN memandangkan kekurangan dana di peringkat NGO itu sendiri (Pegawai MACMA Kelantan: 2017). Selain itu, bukan sahaja diberikan bantuan kepada mualaf berbangsa Cina dan India sahaja, malah program-program bantuan dan pembangunan sosio-ekonomi untuk masyarakat Islam dalam kalangan orang asli juga tidak diketepikan (Pegawai IOA Kelantan: 2017).

5- Penerbitan

Jika diperhatikan kepada misi dan visi penubuhan sesebuah NGO, selain bagi tujuan aktiviti dakwah, kebanyakan NGO juga meletakkan penyebaran maklumat-maklumat Islam yang benar sebagai salah satu objektifnya. Bagi tujuan itu, penerbitan bahan bacaan secara bercetak mahupun elektronik dalam pelbagai bahasa penyampaian turut dilaksanakan. Buku, majalah, akhbar, makalah dan risalah turut diedar secara percuma kepada golongan mualaf dan orang awam. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan keindahan Islam di samping menangkis tohmahan dan prejudis terhadap ajaran Islam (Nur Hieadayah & Idris Zakaria, 2014: 65).

Dengan itu, dapat disimpulkan di sini bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak NGO kepada mualaf adalah meliputi keperluan spiritual mahupun material mualaf tersebut pasca konversi. Metod dakwah yang digunakan juga tidak jauh berbeza dengan pendekatan yang diambil oleh pihak MAIN atau JAIN. Justeru, setelah mengetahui peranan yang dimainkan oleh kedua-dua pihak kerajaan dan bukan kerajaan, pada bahagian seterusnya akan melihat sejauhmana kerjasama yang terjalin antara mereka dalam mengembleng tenaga bagi menguruskan mualaf di Malaysia.

KERJASAMA ANTARA MAJLIS ATAU JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI DENGAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

Melalui temubual bersama pegawai mualaf di MAIN atau JAIN di seluruh negeri di Malaysia, serta beberapa buah NGO seperti MACMA dan IOA, data dan maklumat mengenai kerjasama yang wujud antara MAIN atau JAIN dengan NGO berkenaan telah dikumpulkan. Huraian mengenainya pada bahagian ini disusun berdasarkan kepada lima kelas tema; iaitu pengislaman dan pendaftaran, pendidikan, program dan aktiviti, kebajikan dan dana serta mesyuarat dan dialog bersama.

1- Pengislaman dan Pendaftaran

Di Malaysia, NGO dilihat sebagai sebuah badan yang lebih ligat dan terkehadapan dalam berdakwah kepada orang bukan Islam bagi tujuan mengajak mereka masuk Islam. Hal seumpama ini lebih ketara lagi berlaku di pedalaman Sabah dan Sarawak serta di perkampungan orang asli Semenanjung Malaysia. Oleh itu, di semua negeri di Malaysia, pengislaman mana-mana mualaf boleh dilakukan oleh pihak NGO dan setelah itu hendaklah membawa dokumen yang diperlukan bersama borang yang telah lengkap kepada pihak MAIN atau JAIN bagi tujuan pendaftaran. Sekiranya tiada permasalahan pada dokumen berkenaan, pendaftaran boleh diluluskan oleh Pendaftar tanpa perlu mualaf tersebut mengulangi lafaz syahadahnya. Walaubagaimanapun, menurut pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), sekalipun pengislaman telah diadakan lebih awal di peringkat NGO, seseorang yang ingin masuk Islam di Perlis hendaklah melafazkan semula syahadahnya di JAIPs sebelum didaftarkan pengislamannya bagi tujuan rekod sah.

Manakala bagi negeri Selangor pula, menurut pegawai Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), satu kerjasama rasmi telah dibentuk antara MAIS dengan lima buah NGO terpilih di negeri itu; iaitu Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Islamic Outreach Angkatan Belia Islam Malaysia (IOA), Hidayah Centre Foundation (HCF) dan Multiracial Reverted Muslim (MRM). NGO-NGO terpilih tersebut telah diberikan kuasa sebagai pusat pendaftaran mualaf, yang mana mereka telah diberikan panduan menyeluruh untuk menjalankan proses pengislaman termasuklah penerangan

sebelum majlis pengislaman dan pembacaan deklarasi selepasnya. Borang dan dokumentasi yang telah lengkap setelah itu akan dibawa ke MAIS bagi tujuan pendaftaran. Bukan itu sahaja, malah sebarang rekod pengislaman, pendaftaran dan manfaat yang diterima oleh mualaf berkenaan turut dikendalikan di pusat-pusat pendaftaran ini. Pemantapan proses pengislaman dan pendaftaran ini dilaksanakan bagi mengelakkan implikasi buruk yang mendatang berkaitan mualaf.

2- Pendidikan

Sepertimana yang dijelaskan dalam bahagian sebelum ini, kedua-dua pihak MAIN atau JAIN dan NGO masing-masing telah mengadakan kelas pendidikan kepada mualaf di setiap negeri. Walaubagaimanapun, dalam menjayakannya, terdapat situasi di mana beberapa negeri memilih untuk bekerjasama dan begitu juga sebaliknya. Bagi negeri Selangor, Sarawak, Sabah, Pulau Pinang dan Kelantan, wujud satu kerjasama sama ada secara penyelarasan ataupun makluman. Sebagai contoh di Selangor, kelas yang diadakan di peringkat NGO telah diselaraskan dan turut dianggap sebagai salah satu kelas anjuran MAIS. Hal ini bermakna, mualaf boleh memilih untuk hadir ke mana-mana kelas yang bersesuaian dengan kehendak bahasa dan masa mereka. Selain saling berkongsi maklumat kehadiran mualaf ke kelas, pihak MAIN dan JAIN juga turut menjadi tempat rujukan NGO untuk mendapatkan syor modul pendidikan yang sesuai bagi digunakan semasa pembelajaran. Tambahan pula, menurut pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), tenaga pengajar bagi kelas anjuran Jabatan Agama turut diambil dari kalangan ahli NGO di sana.

Manakala, bagi negeri lain seperti Perak, Terengganu, Negeri Sembilan dan Pahang, kelas pendidikan anjuran MAIN atau JAIN dan pihak NGO adalah saling tidak berhubungan. Menurut pegawai MAIN atau JAIN di negeri-negeri tersebut, masing-masing melaksanakan kelas tanpa pantauan atau makluman secara langsung antara satu sama lain.

Di samping itu, di negeri Kedah dan Perlis pula, kelas pendidikan kepada mualaf di sana tidak dikendalikan oleh pihak JAIN, tetapi sepenuhnya dikelolakan oleh pihak NGO; iaitu PERKIM. Di Perlis misalnya, berdasarkan kepada temubual bersama pegawai JAIPs, sekalipun kelas bagi mualaf yang diadakan di pusat aktiviti PERKIM pada setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad adalah sepenuhnya di bawah kendalian pihak PERKIM, namun pihak JAIPs turut terlibat untuk memantau kehadiran dan pengurusan modul pembelajaran, pemberian elaun kehadiran pelajar sebanyak RM20 atau RM30 mengikut jarak ke kelas serta lantikan tenaga pengajar termasuklah elaun mereka. Namun begitu, kerjasama seumpama ini tidak berlaku di Kedah. Menurut pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JAIK), tiada pemantauan dibuat terhadap kelas-kelas anjuran PERKIM di negeri itu.

Walaupun bagaimanapun, selain menyertai kelas PERKIM, muaf di sana juga boleh mendapatkan pendidikan secara formal di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), Sungai Petani, Kedah.

3- Program dan Aktiviti

Program yang dimaksudkan di sini termasuklah program dakwah dan ukhuwah. Manakala aktiviti pula melibatkan ziarah dan kaunseling. Boleh dikatakan di semua negeri di Malaysia, satu jaringan kerjasama telah dijalinan antara pihak MAIN atau JAIN dengan pihak NGO untuk mengendalikan program-program kepada muaf. Sebagai contoh, berdasarkan kepada temubual bersama pegawai Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), pihak NGO telah dilibatkan bersama dalam anjuran Kursus Fasa Pemantapan Saudara Kita, Program Sehari "Mari Kenali Islam", Dialog bersama Tokoh Muaf, program keluarga angkat dan banyak lagi. Sekalipun terdapat program-program NGO yang tidak dianjurkan secara bersama dengan MAIN atau JAIN, ia hendaklah dilaksanakan dengan pantauan atau makluman kepada pihak MAIN atau JAIN bagi tujuan mendapatkan dana.

Begitu juga dengan aktiviti ziarah, pihak NGO adalah lebih bergiat aktif dalam melaksanakannya di bawah pantauan MAIN atau JAIN. Selain ziarah oleh pihak PERKIM di Perlis, di Melaka juga, satu Skwad Sukarelawan Balai Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang terdiri daripada kalangan ahli NGO telah ditubuhkan. Menurut pegawai Balai Islam MAIM, di samping menziarahi muaf, antara tugas utama skuad tersebut adalah untuk mengenal pasti tahap pendidikan, ekonomi, masalah keluarga, pergaulan dengan masyarakat sekeliling, penguasaan fardhu ain dan sebagainya. Ke kerapannya ziarah tersebut adalah sebanyak lapan kali sebulan dan setiap kali ziarah selama tempoh dua jam akan dibayar elaun RM80.

Walaupun begitu, bagi penganjuran program dan aktiviti di perkampungan orang asli seperti di Pahang atau di pedalaman Sarawak, terdapat juga situasi di mana tiada kerjasama mahupun makluman kepada pihak MAIN atau JAIN daripada pihak NGO. Menurut pegawai Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), hal ini menyebabkan berlakunya pertindihan aktiviti, ketidaksesuaian uslub dakwah yang digunakan dan bahkan apabila timbulnya sebarang masalah, pihak JAIS yang terpaksa menjernihkan kembali keadaan.

4- Kebajikan dan Dana

Kebajikan kepada muaf pada asasnya adalah bersumber daripada wang zakat. Dengan itu, selain mempunyai dana sendiri di peringkat NGO, mereka turut bergantung kepada peruntukan wang zakat yang diperolehi melalui MAIN atau JAIN bagi menyempurnakan kebajikan kepada muaf di Malaysia. Permohonan dana tersebut dibuat sama ada secara langsung kepada MAIN atau Baitulmal ataupun

perlu melalui kelulusan JAIN terlebih dahulu. Menurut pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), dana bagi program NGO di negeri tersebut hanya akan diberikan sekiranya program tersebut belum lagi dijalankan di peringkat MAIDAM dan setelah menepati piawaian yang ditentukan. Manakala di Kelantan pula, pemberian dana kepada NGO adalah dibuat melalui peruntukan geran tahunan oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) secara konsisten. Walaupun begitu, menurut pegawai MACMA Kelantan, permohonan dana masih boleh dibuat sekiranya terdapat keperluan mendatang yang tidak mencukupi.

Selain peruntukan dana bagi menjalankan aktiviti dan program, NGO juga turut menjadi perantara kepada pihak MAIN atau JAIN dalam menyampaikan sumbangan dan bantuan kepada mualaf. Misalnya, menurut pegawai Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), mubaligh yang dilantik dan terdiri daripada kalangan ahli NGO akan mendapatkan bantuan bagi pihak mualaf di Baitulmal ataupun melalui ‘wang pujuk’ dari pihak JAIPk.

Di samping kebajikan berbentuk kewangan dan bantuan keperluan asas, bantuan berupa rumah perlindungan sementara juga turut dikelolakan sama ada di peringkat MAIN atau JAIN atau NGO dan ia menjadi manfaat bersama. Misalnya di Sabah, Rumah Kebajikan Saudara Kita di Likas adalah dikendalikan oleh pihak NGO, Persatuan Prihatin Sahabat Sabah bagi membolehkan mualaf yang bermasalah transit selama tiga bulan di sana sebelum menemukan rumah dan pekerjaan yang sesuai. Menurut pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), pembiayaan rumah tersebut adalah ditanggung oleh pihak JHEAINS, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pusat Zakat Sabah.

5- Mesyuarat dan Dialog Bersama

Bagi melancarkan operasi kerjasama antara MAIN atau JAIN dan NGO, beberapa negeri seperti Selangor, Sarawak, Melaka, Kedah, Sabah dan Kelantan telah mengambil pendekatan untuk mengadakan mesyuarat atau dialog bersama secara kerap mahupun terancang. Di Selangor contohnya, pihak MAIS akan mengadakan mesyuarat bersama pusat-pusat pendaftaran yang terdiri daripada kalangan NGO terpilih sekurang-kurangnya dua kali setahun, namun biasanya diadakan empat kali setahun seiring mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf Selangor dan jika terdapat isu-isu baru yang timbul. Walaupun begitu, menurut pegawai MAIS, pada setiap awal tahun, pihak MAIS akan turun (*roadshow*) ke setiap pusat pendaftaran tersebut bagi menyemak semula gerak kerja dan menyampaikan maklumat. Manakala di negeri Kelantan pula, berdasarkan kepada temubual bersama pegawai MAIK, mesyuarat dengan pihak NGO di sana telah diadakan bagi tujuan pembahagian kawasan atau perkampungan orang asli supaya tiada pertindihan aktiviti berlaku. Meskipun begitu, menurut pegawai IOA Kelantan, mesyuarat

seumpama itu seharusnya diadakan bagi tujuan penyelarasan aktiviti dakwah kepada orang asli dan bukannya pembahagian kawasan. Sekalipun usaha yang diambil adalah untuk membahagikan kawasan kepada setiap pihak, ia sepatutnya ditentukan dengan mengambil kira kekuatan setiap NGO yang terlibat seperti pengangkutan dan tenaga penggerak dakwah yang dimiliki.

Selain rungutan dan kekangan di atas, di sesetengah negeri lain di Malaysia juga turut berlaku permasalahan dalam mencapai kesepakatan atau kerjasama antara pihak MAIN atau JAIN dengan pihak NGO. Menurut pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), mesyuarat yang pernah diadakan antara pihaknya dengan NGO di sana bagi mengadakan kerjasama dalam pendidikan mualaf di negeri tersebut tidak berjaya mencapai kesepakatan. Bukan sahaja berpunca daripada perbezaan corak pemikiran, hal ini juga disebabkan sumber dana pihak NGO di sana adalah secara langsung diperolehi daripada pihak Baitulmal tanpa perlu melalui pihak JHEAINS yang merupakan pentadbir hal ehwal mualaf di negeri itu terlebih dahulu.

ANALISIS

Berdasarkan kepada perbincangan dalam bahagian sebelum ini, kita dapati bahawa, boleh dikatakan telah wujud satu jaringan kerjasama sama ada secara rasmi ataupun tidak antara pihak MAIN atau JAIN dengan pihak NGO di semua negeri di Malaysia. Kerjasama yang terjalin itu juga sama ada secara menyeluruh ataupun hanya pada sebahagian peranan sahaja. Bagi merumuskan perbincangan sebelum ini, hal ini boleh dirujuk kepada jadual di bawah.

Jadual 1: Kerjasama antara MAIN atau JAIN dengan NGO Mualaf di Malaysia

Negeri	Skop Kerjasama antara MAIN/JAIN dengan NGO					
	Pengislaman & Pendaftaran	Pendidikan	Program Bersama	Ziarah & Kebajikan	Dana	Mesyuarat Rasmi
Selangor	√	√	√	√	√	√
Wilayah Persekutuan	√	o	√	o	√	o
Negeri Sembilan	√	o	√	o	√	o
Melaka	√	o	√	√	√	√
Johor	√	o	√	√	√	√
Perak	√	o	√	√	√	o
Pulau Pinang	√	√	√	√	√	o
Kedah	√	o	√	o	√	√
Perlis	√	√	√	o	√	o
Pahang	√	o	√	√	√	√
Terengganu	√	o	√	o	√	o
Kelantan	√	√	√	√	√	√
Sabah	√	√	√	√	√	√
Sarawak	√	√	√	√	√	√

Nota: √ - wujud kerjasama
o - tiada kerjasama

Bagi menganalisis situasi kerjasama yang berlaku di negeri-negeri di Malaysia dalam pengurusan mualaf, ia dilakukan berdasarkan kepada pengislaman dan pendaftaran, pendidikan, program bersama, ziarah dan kebajikan serta permesyuaratan.

Kerjasama yang terjalin antara badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam pengislaman dan pendaftaran mualaf di Malaysia adalah satu kemestian. Hal ini seiring dengan perundangan dan polisi yang terpakai di negara ini yang

mbolehkan pengislaman berlaku dengan sesiapaupun yang mukalaf, di mana-mana dan pada bila-bila masa. Namun, selanjutnya bagi pendaftaran pengislaman itu telah ditetapkan kuasa khusus baginya, iaitu hanya pada badan-badan kerajaan sahaja dan pastinya setelah prasyarat dokumentasi dipenuhi. Langkah kerjasama secara rasmi di Selangor dalam aspek ini adalah satu usaha yang bersistematik di samping dalam masa yang sama, dapat memberi kesedaran kepada NGO yang terlibat terhadap peri pentingnya prosedur majlis pengislaman yang harus dikendalikan. Penerangan yang berkesan dan majlis syahadah yang tulus akan secara tidak langsung menyemai fitrah ketuhanan di samping dapat memberikan pendedahan awal kepada mualaf tersebut akan obligasi dan hak mereka sebagai seorang Islam. Langkah seumpama ini dapat membantu mualaf mempersiapkan diri dalam menghadapi tekanan hidup yang mendatang dan bagi implikasi jangka masa panjang, supaya tiada lagi kes mualaf yang ingin kembali kepada agama asal mereka.

Selain penumpuan kepada aspek pengislaman dan pendaftaran mualaf bagi tujuan identiti, penggemburan ilmu dan penghayatan mualaf terhadap ajaran agama Islam juga tidak boleh dipandang enteng. Seharusnya setiap mualaf itu dipastikan supaya mendapat pendidikan dan bimbingan agama yang sewajarnya, sama ada dengan mengikuti kelas di peringkat MAIN atau JAIN atau NGO, atau bahkan secara persendirian di rumah kediaman sekalipun. Dengan itu, kerjasama antara badan kerajaan dan NGO dalam aspek penyediaan pendidikan kepada mualaf ini dilihat lebih menguntungkan apabila setiap mualaf itu dapat menyertai kelas-kelas pendidikan mengikut kesesuaian masa dan keselesaan mereka. Hal ini memandangkan, antara alasan mualaf apabila gagal menghadirkan diri ke kelas-kelas yang disediakan adalah kerana terikat dengan komitmen kerjaya dan keluarga masing-masing. Bukan sahaja penyusunan dan penyelarasan kelas-kelas yang banyak dan fleksibel, malah saling berkongsi maklumat antara pihak MAIN atau JAIN dan NGO seperti mengenai kehadiran ke kelas, modul atau silibus yang digunakan, penerimaan mualaf terhadap pengajaran dan sebagainya juga tidak kurang pentingnya supaya dapat dipastikan bahawa semua mualaf mendapatkan pendidikan yang sepatutnya tanpa ada seorangpun yang tercicir.

Begitu juga dengan pelaksanaan program-program dakwah dan ukhuwah di semua negeri di Malaysia, penggembungan tenaga antara badan kerajaan dan bukan kerajaan dapat memudahkan penyaluran dana di samping memperbanyak aktiviti dan mengelakkan pengulangan atau pertindihan program yang diadakan. Dengan penglibatan pihak NGO yang kebanyakannya juga adalah merupakan saudara baru, secara tidak langsung dapat mencetuskan idea-idea yang bernas terhadap keperluan program yang sesuai untuk golongan mualaf. Seterusnya, ia dapat menarik lebih ramai penglibatan peserta mualaf ke dalam program-program yang dianjurkan.

Seperti yang dimaklumi, agensi kerajaan dan bukan kerajaan masing-masing mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Langkah kerjasama yang diambil oleh sebahagian negeri di Malaysia dalam aktiviti ziarah dan kebajikan mualaf didapati dapat meraikan kekuatan tenaga dan kepakaran yang dimiliki oleh pihak NGO di samping kekuatan dana yang dimiliki oleh pihak MAIN atau JAIN. Penubuhan sistem sokongan khas bagi menjalankan aktiviti tersebut seperti yang berlaku di Sarawak, Melaka dan Perak dilihat mampu menjalankan operasi *follow up*, ziarah dan kaunseling dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Selain mengetahui keperluan mualaf melalui permohonan mereka di pejabat zakat, pengenalpastian dan keprihatinan terhadap masalah dan keperluan mendesak mualaf juga boleh diperolehi melalui lawatan secara berkala dan terancang. Penyaluran bantuan dan sumbangan dengan lebih efisien dapat meminimalkan pengabaian kebajikan mualaf di Malaysia.

Akhir sekali, bagi melicinkan pentadbiran kerjasama yang terjalin antara MAIN atau JAIN dan NGO, pewujudan medium perkongsian dan perbincangan iaitu melalui mesyuarat atau dialog bersama hendaklah diadakan di setiap negeri di Malaysia. Hal seumpama ini telahpun dilaksanakan di Selangor, Sarawak, Kelantan, Kedah, Sabah dan Pahang. Mesyuarat tersebut bukan sahaja menjadi platform penyelarasan dan laporan gerak kerja, malah ia dapat dimanfaatkan untuk berdiskusi dan mencari jalan penyelesaian bagi sebarang isu mualaf yang timbul.

SARANAN DAN PENUTUP

Kesimpulannya di sini, kerjasama antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menguruskan mualaf di Malaysia adalah wujud dalam bentuk dan aspek yang berbeza mengikut negeri. Meskipun perbezaan dan kelainan yang wujud itu adalah berdasarkan kepada keunikan dan situasi semasa di setiap negeri, namun usahasama antara badan-badan Islam di Malaysia tidaklah patut dipandang ringan. Kesatuan fikrah dan harakah sewajarnya diserlahkan melalui strategi pelaksanaan yang bersistematik dan efisien supaya dakwah yang ingin disampaikan dapat tersebar dengan lebih luas dan mantap. Dengan itu, bertepatan dengan penggubalan undang-undang dan polisi bagi mualaf di Malaysia, satu jaringan kerjasama yang terancang dan menyeluruh haruslah dibentuk dalam mengurus tadbir perihal mualaf di setiap negeri. Sebagai pihak yang berotoriti, pihak MAIN atau JAIN hendaklah merangka satu pelan pengurusan komprehensif bagi menjelaskan misi pentadbiran mualaf di samping penyusunan keterlibatan sistem sokongan seperti NGO, masjid dan lain-lain lagi. Penyusunan tersebut dapat dilakukan dengan menilai kekuatan dan kelemahan yang wujud pada setiap pihak yang berkenaan. Justeru, dengan adanya satu sistem kerjasama yang dinamik dan tersusun di setiap negeri di Malaysia, khususnya dalam hal ehwal pengurusan mualaf, hal ini dapat meringankan beban

yang ditanggung oleh pihak-pihak di samping melancarkan usaha dakwah yang dilaksanakan dan seterusnya mencapai matlamat yang dihasratkan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua responden yang terlibat, khususnya pegawai-pegawai mualaf di Majlis dan Jabatan Islam Negeri seluruh Malaysia serta Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah memberikan kerjasama dalam mendapatkan data dan maklumat bagi menyempurnakan kajian ini. Tidak lupa juga, penghargaan diberikan kepada Projek Pengurusan Pendidikan dan Kebajikan Mualaf di Kelantan yang diketuai oleh Prof. Dr. Siti Zubaidah Ismail yang turut banyak menyumbang untuk kajian ini. Terima kasih.

RUJUKAN

- Adam Corrie. (2015). *Ada iman, baru syok, ada fight*. Selangor: Mustread Sdn. Bhd.
- Aidit Ghazali & Zulkifli Abd Hamid. (2014). Program Bantuan Kepada Mualaf. Dalam Rugayah Hj Tibek, Fariza Md. Sham dan Muhammad Hilmi Jalil (Ed.). *Pembangunan dakwah mualaf*. (Hlm. 141-142). Bangi: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Rosmani Hussin. (2015). Pelaksanaan kurikulum bimbingan saudara baru di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Dalam Razaleigh Muhamat @ Kawangit (Ed.). *Isu-isu pengurusan saudara Muslim*. (Hlm. 164). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2015). Faktor pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. No. 22. Hlm. 38.
- Azman Abdul Rahman, et al. (2015). Skim bantuan zakat asnaf mualaf: Satu analisis kontemporari. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 6. Hlm. 173.
- Azman Abdul Rahman, et al. (2015). Persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 6. Hlm. 144.
- Haluan. (2013). *Pihak berkuasa agama dan NGO perlu bergandingan*. 8 September 2013, dicapai melalui <http://www.haluan.org.my/v5/topik-pilihan/modal-insan/1912-pihak-berkuasa-agama-dan-ngo-perlu-bergandingan>.
- Ikhwan Ng. (2013). *Dengan lafaz dua kalimah syahadah*. Selangor: Mustread Sdn. Bhd.

- Mohd Faridh Hafez Mhd Nor & Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2016). Sumbangan organisasi Cina-Muslim dalam keharmonian beragama di Malaysia: Tinjauan terhadap peranan dan cabaran PERKIM dan MACMA. Hlm. 20.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2012). *Cabaran saudara baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Haniff Baderun & Zuliza Mohd Kusrin. (2015). Fungsi dan bidang kuasa Majlis Agama Islam. Dicapai pada 15 September 2017, dari <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2015/09/15-Muhammad-Haniff-Baderun.pdf>.
- Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail. (2016). Keluar Agama Islam di Malaysia: Permasalahan dari sudut undang-undang. *Jurnal of Shariah Law Research*. Vol. 1. No. 1. Hlm. 152.
- Nur Hieadayah Abdul Rahim & Idris Zakaria. (2014). Dakwah PERKIM kepada etnik Cina di Malaysia (PERKIM Propagation to Chinese Ethnic in Malaysia). *Islamiyyat*. Vol. 36. No. 1. Hlm. 63.
- Raja Dr. Nazrin Shah. (2011). *Titah DiRaja kongres Majlis Agama Islam seluruh Malaysia kali pertama*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Salasilah Hanin Hamjah. (2010). Bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dan hubungannya dengan keberkesanan kaunseling: Satu kajian di pusat kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Islamiyyat*. Vol. 32. Hlm. 52.
- Sayyid Buhar Musal Kassim, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Zawiyah Baba. (2013). A survey of problems faced by converts to Islam in Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Vol. 8. No. 1. Hlm. 11.
- Siti Zaleha Ibrahim, Nur Sarah Tajul Urus & Mohd Faisal Mohamed. (2016). Pertukaran Agama dan kesannya terhadap komuniti: Satu sorotan terhadap kes-kes murtad dan masuk Islam di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. No. 3. Hlm. 212.
- Siti Zubaidah Ismail & Siti Adibah Abu Bakar. (2017). Managing Muslim converts in Malaysia: In search of a comprehensive model. *Kertas kerja Seminar Antarabangsa Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*. Universiti Sunan Kalijaga Jogjakarta, 24 Julai.
- Tuan Sakaria Samela. (2016). Tadbir urus saudara baru: Antara santunan dan terpaksa. *Kursus Tadbir Urus Saudara Baru. Dewan Hadhari*, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 26-27 November.
- Zainab Ismail, Norabidah Pozi & Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2015). Tahap pengetahuan agama saudara baru di pusat bimbingan Islam saudara baru Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah Darul Aman. Dalam Razaleigh Muhamat @ Kawangit (Ed.). *Isu-isu pengurusan saudara Muslim*. (Hlm. 91-93). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Zaini Nasohah, Abdel Wadoud Moustafa Moursi Elseodi & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2010). Status agama anak bagi ibubapa yang memeluk agama Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Hlm. 440-447.
- Zakaria bin Noh. (2010). Peranan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dalam pembinaan keagamaan mualaf di Malaysia. *Tesis Ph.D*, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Zanariah Dimon & Zaini Yusnita Mat Jusoh. (2014). Pengesahan status agama di mahkamah syariah: Satu sorotan. *Prosiding Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Antarabangsa Pertama 2014 (INSAN2014)*. Kuala Lumpur, 17-18 November.

